

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AMU402 - PENGURUSAN BARANGAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda mulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB** dan pilih **TIGA** soalan yang lain.

**SOALAN WAJIB**

1. Andaikan anda adalah Pengurus Produk Syarikat Puteri Meriam. Syarikat anda telah mencetuskan ide untuk menghasilkan "skin toner" baru dari bahan hempas kelapa. Dengan panduan gambar rajah, bincangkan proses yang anda akan lalui di dalam merekabentuk produk ini?

[20 markah]

2. (a) Berikan definasi pengurusan produk dari perspektif pemasaran?

[5 markah]

- (b) Di dalam membuat keputusan produk; sama ada yang berhubung dengan pengenalan produk baru ataupun isu "positioning", Yoram J. Wind ada menyebut bahawa ahli pemasaran perlu menyentuh tujuh (7) persoalan utama. Kenalpastikan ketujuh-tujuh persoalan ini dan bincangkan kenapakah ianya penting terhadap kedua-dua persoalan yang tersebut di atas.

[15 markah]

...2/-

Pilih dan jawab **TIGA** soalan sahaja.

3. Di dalam pasaran masa kini anda mendapati ada satu produk baru berjenama "Ultra-breeze". Produk ini adalah sebahagian dari strategi "Reactive" (counter attack) syarikat Lever Brothers terhadap jenama "Kao-attack". Adakah pernyataan ini betul? Bincangkan.

[20 markah]

4. Penghasilan produk baru memerlukan pengtakrifan pasaran yang tepat bagi menghasilkan lini produk yang viable. Kenalpastikan dan bincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi proses pengtakrifan ini dan bagaimanakah konsep segmentasi pasaran dapat membantu di dalam hal ini?

[20 markah]

5. Kenapakah peringkat penilaian konsep itu penting dalam proses perkembangan dan pembentukan keluaran baru? Bincangkan.

[20 markah]

6. Salah satu dari ciri kejayaan firma di dalam pengurusan produk baru adalah keupayaannya mempelajari dari kesilapan dan kejayaan masa lalu. Ini dapat dilakukan melalui proses "Product diagnostic audit". Apakah yang anda faham dari konsep ini? Bincangkan.

[20 markah]

----ooo000ooo----